

**Pas Letak Dua Calon Iban Di Sarawak
Bernama
12 April, 2013**

MIRI, 12 April (Bernama) -- PAS buat pertama kali akan meletakkan dua calon Iban untuk bertanding dua kerusi Parlimen di Sarawak iaitu Sibuti dan Julau pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13), 5 Mei ini.

Pesuruhjaya PAS Negeri, Adam Ahid, berkata ahli Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) Sarawak, Dr Ambrose Labang Jamba akan bertanding kerusi Julau dan bekas personaliti TV Al-Hijrah, Mohd Zaid @ Robby Tandang bagi kerusi Sibuti.

"Mereka adalah 'ayam tambatan' kami dan yakin Robby boleh mencipta kejutan di kerusi Sibuti yang sekian lama menjadi kubu kuat Barisan Nasional (BN)," katanya kepada Bernama di sini Jumaat.

Pada PRU 2008, Labang bertanding kerusi Parlimen Julau atas tiket Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan tewas kepada calon Barisan Nasional (BN) Datuk Joseph Salang Gandum dengan majoriti 7,584 undi.

Sementara itu, Robby, 31, ketika dihubungi, menafikan hasrat parti itu untuk mencalonkan beliau adalah semata-mata kerana popularitinya dan bukan untuk memperjuangkan kepentingan penduduk Sibuti.

Selain kerusi Julau dan Sibuti, PAS turut mencalonkan Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Abang Ahmad Kerdee Abang Masagus bagi kerusi Parlimen Kota Samarahan, Dr Mohd Jolhi (Batang Sadong), Jurina Mut (Tanjung Manis), Nani Sahari (Mukah) dan Ajiji Fauzan bagi kerusi Parlimen Igan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941626>